

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**
TARIKH : **26.05.2016 (KHAMIS)**

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah mekanisme yang diambil kira dalam melakukan intervensi kawalan harga.”

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka di mana kuasa pasaran (*market force*) ditentukan oleh faktor-faktor seperti permintaan dan penawaran (*demand and supply*), cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing dan kadar upah.

Namun demikian, kerajaan berpandangan perlu ada mekanisme kawalan terhadap harga barangan di pasaran supaya pihak-pihak tertentu tidak mengambil kesempatan mengeksploitasi pasaran terbuka dan bebas demi untuk kepentingan sendiri. Dalam hal ini, pihak Kementerian menggunakan kaedah penguatkuasaan melalui penguatkuasaan akta/peraturan sedia ada seperti Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011), Akta Timbang Sukat 1972, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan mekanisme bukan penguatkuasaan akta/peraturan.

Kementerian, melalui **Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011), Akta Timbang Sukat 1972, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999** telah menjalankan **2,041,275 operasi OPS CATUT** ke atas premis-premis perniagaan sejak 15 Januari 2016 hingga 9 Mei 2016.

Manakala program dan aktiviti bukan akta/peraturan pula, Kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Mobile KR1M, Kedai KR1M dan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia. Melalui **Mobile KR1M**, Kerajaan **menanggung kos pengangkutan laut dan darat (*door to door*)** untuk menghantar barangan kawalan bersubsidi dari pelabuhan Semenanjung ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan dan seterusnya kos pengangkutan darat (LCL) ke kedai-kedai Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Kedai Coop1Malaysia. Kerajaan juga mengiktiraf premis-premis perniagaan yang menjual barangan pada harga yang berpatutan melalui program **Kedai Harga Patut** bagi memastikan rakyat dapat menikmati harga barangan yang berpatutan.

Di samping itu, penglibatan pemain industri seperti pasar raya besar, pasar raya dan pasar mini dalam **Kempen Penurunan Harga** dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi produk-produk terpilih bagi memastikan rakyat mendapat bekalan barangan pada harga berpatutan.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah dilancarkan sebagai satu alternatif untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan seperti Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas.

Program Penyeragaman Harga juga telah dilancarkan sejak tahun 2009 bagi memastikan pengguna di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak turut menikmati harga barangan kawalan yang sama seperti di kawasan bandar. Melalui program ini, Kerajaan **menanggung kos pengangkutan** barang-barang keperluan ke kawasan luar bandar bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman boleh mendapatkan barang-barang keperluan iaitu **beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak (LPG), petrol RON 95 dan diesel** pada harga yang dikawal oleh kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di samping program-program di atas, Kementerian ini juga bekerjasama dengan **NGO, Penghulu dan Penggawa, Persatuan-Persatuan Pengguna serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)** untuk memantau harga bagi memantapkan lagi penguatkuasaan di peringkat akar umbi. Kementerian juga menggalakkan rakyat untuk menggunakan aplikasi **Ez-Adu** bagi menyalurkan aduan secara cepat dan mudah. Kementerian juga telah mewujudkan **Pusat Informasi Dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS)** serta **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** untuk menangani aduan dengan lebih efisien.

Pelbagai mekanisme yang dilaksanakan sama ada melalui penguatkuasaan atau program bertujuan bagi memastikan bekalan barangan mencukupi di pasaran dan sekali gus memastikan para pengguna dapat menikmati harga barangan yang berpatutan.